

16/02/2000

Johor rancang tambah pelabur asing

Daud Awang

JOHOR BAHRU, Selasa - Kerajaan negeri merancang menyediakan lebih banyak kemudahan infrastruktur sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) sebagai usaha menarik kemasukan pelabur asing ke negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata kemasukan pelabur asing itu dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, sekali gus meningkatkan perkembangan ekonomi negeri.

Pada masa sama, katanya, kekayaan negeri dapat diagihkan kepada semua rakyat melalui wujudnya banyak peluang pekerjaan dan perniagaan.

"Kerajaan negeri sedang menyiapkan pelan rancangan RM-8 yang akan dihantar kepada Kerajaan Pusat tidak lama lagi.

"Melalui rancangan ini yang memberi tumpuan terhadap pembangunan infrastruktur, harap Kerajaan Pusat dapat menimbang untuk melaksanakannya sebagai langkah menarik pelabur asing ke negeri ini.

"Dengan adanya pelaburan sudah tentu akan wujud kesan sampingan iaitu peluang pekerjaan atau perniagaan kepada masyarakat setempat. Jika ini berlaku, ia dapat mengagihkan kekayaan ekonomi secara menyeluruh," katanya.

Beliau berkata demikian di majlis Jamuan Tahun Baru Cina meraikan kejayaan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum lalu di Hotel Eden, di sini, hari ini.

Majlis itu dianjurkan Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Tionghua Johor. Turut hadir, Exco kerajaan negeri dan Presiden Gabungan dewan berkenaan, Datuk Low Nam Hui.

Abdul Ghani berkata, selain itu, kerajaan negeri juga akan terus meningkatkan kemudahan pendidikan bagi melahirkan generasi berilmu.

Beliau berkata, kerajaan negeri telah mengenal pasti kawasan seluas 800 hektar di Kulai dekat sini untuk dijadikan Bandar Akademik selaras dengan perkembangan ilmu pengetahuan.

Katanya, kerajaan negeri sedia bekerjasama dengan sektor swasta bagi membangunkan bandar itu bagi memberi peluang pendidikan kepada generasi muda.

Terdahulu, dalam ucapannya, Low berkata, kejayaan BN menyapu bersih kerusi negeri dan Parlimen pada pilihan raya lalu di negeri ini sebagai bukti sokongan rakyat terhadap kerajaan sedia ada.

Beliau berkata, dasar dan konsep diamalkan kerajaan BN di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Abdul Ghani ternyata dapat diterima pelbagai lapisan rakyat di negeri ini.

"Masyarakat Tionghua berjanji akan terus memberi sokongan dan komitmen terhadap kerajaan BN kerana selama ini dasarnya boleh diterima oleh semua kaum," katanya.

(END)